

# Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP26/O26 • Isnin, 31 Julai 2023 / 13 Muharram 1445H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

WAKTU SOLAT IMSAK 4:45AM • SUBUH 4:55AM • SYURUK 6:17AM • DOHA 6:40AM • ZOHOR 12:28PM • ASAR 3:49PM • MAGHRIB 6:37PM • ISYAK 7:50PM • TAMBAH 3 MINIT BAGI BELAIT DAN 1 MINIT BAGI TUTONG

## BICARA AN-NISA SEMPENA HARI KEPUTERAAN

Oleh Yusrin Junaidi

**BANDAR SERI BEGAWAN, 30 JULAI** – Kumpulan Belia Masjid Senegara dan Beliawanis Masjid Ash-Shaliheen serta Unit Belia, Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengadakan program Bicara An-Nisa sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-77 Tahun dan Ilal Hijrah 1445 yang berlangsung di masjid berkenaan, kelmarin.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah isteri Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Dr Hajah Norasimah binti Haji Latip.

Moderator pada program tersebut ialah Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan juga beliawanis Masjid Ash-Shaliheen, Dayang Nur Fareeza Syahirah binti Rosli. Sementara ahli panelnya terdiri daripada Penolong Profesor Pusat Penataran Ilmu



Dayang Nur Fareeza Syahirah, Dr Hajah Ummi Fa'izah dan Dayang Zati Hanani semasa program berkenaan.

dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman, dan Da'ie Bertauliah MUIB, Dayang Zati Hanani binti Dato Seri Setia Haji Rajid.

Antara tujuan acara ini diadakan adalah bagi merafakkan

syukur kehadiran Allah SWT serta melahirkan rasa cinta dan kasih kepada raja.

Acara seumpama ini juga diharap dapat melahirkan masyarakat yang berilmu dalam kepimpinan sekali gus melahirkan beliawanis pemuda harapan negara.